

TARIKH : 15 FEBRUARI 2024

PERKARA : KPM tangani isu kekurangan guru, lantik 18,792 guru baharu

MUKA SURAT : 12

## KPM tangani isu kekurangan guru, lantik 18,792 guru baharu

**PUTRAJAYA** - Lonjakan penambahan bilangan guru merupakan komitmen besar Kerajaan Madani dalam memperkuuh agenda reformasi pendidikan dan memastabatkan kualiti pendidikan negara.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerusi kenyataan memaklumkan, seramai 18,792 orang guru baharu telah dilantik tahun lalu merangkumi 9,155 guru sekolah rendah dan 9,637 guru sekolah menengah.

"Pengambilan seramai

6,315 orang graduan bukan pendidikan sebagai pegawai perkhidmatan pendidikan (PPP) Gred DG41 secara kontrak seperti yang diumumkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) pada minggu lalu adalah cerminan komitmen berterusan kerajaan untuk memastikan unjuran keperluan dan penempatan guru di sekolah dipenuhi," kata kementerian itu pada Rabu.

Ujar KPM, pihaknya sentiasa bekerjasama erat dengan SPP untuk memastikan isu kekurangan guru dapat diatasi.

"Sinergi kerjasama strategik kedua-dua pihak cukup signifikan dalam memastikan unjuran guru memenuhi keperluan semasa," ujar KPM.

Sebelum ini Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata, pihaknya dan SPP sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memastikan isu kekurangan guru dapat di selesaikan.

Ia termasuklah isu kekurangan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

Seramai 18,792 orang guru baharu telah dilantik tahun lalu merangkumi 9,155 guru sekolah rendah dan 9,637 guru sekolah menengah.

